

13/12/1999

Isa, Exco angkat sumpah hari ini

Ziauddin Sharuddin

SEREMBAN, Ahad - Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang baru akan mengangkat sumpah jawatan masing-masing di Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah, esok.

Ini menjadikan Mohd Isa sebagai Menteri Besar terakhir mengangkat sumpah selepas Menteri Besar atau Ketua Menteri negeri lain lebih awal berbuat demikian.

Mengikut atur cara rasmi Menteri Besar, upacara akan diadakan di Istana Besar Seri Menanti jam 10.50 pagi.

Mohd Isa ketika dihubungi pagi ini mengesahkan upacara itu akan diadakan mengikut jadual.

Pelantikan beliau kali ini menimbulkan sedikit kontroversi apabila upacara mengangkat sumpah yang dijadualkan Selasa lalu ditangguhkan dan kemudian ditetapkan esok.

Penangguhan itu menyebabkan timbul spekulasi kononnya Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaa'far, tidak begitu 'berkenan' dengan pelantikan semula Mohd Isa atau senarai baru ahli Exco.

Susur galur kontroversi bermula Isnin lalu apabila Mohd Isa berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pada jam 11 pagi.

Perdana Menteri dilaporkan bersetuju dengan pelantikan semula Mohd Isa dan juga senarai ahli Exco baru.

Kira-kira jam 4 petang hari sama, Mohd Isa menghadap Yang Dipertuan Besar di Istana Besar Seri Menanti dan menyerahkan surat mengenai cadangan supaya beliau mengepalai kerajaan negeri dan senarai Exco yang dipersetujui Perdana Menteri.

Mengikut pegawai protokol, upacara mengangkat sumpah akan diadakan pada Selasa, tetapi lewat petang itu, Setiausaha Akhbar Menteri Besar, Roslan Abdul, memaklumkan kepada media itu bahawa upacara itu ditangguhkan dan tarikh baru belum ditetapkan.

Pada Selasa, sebahagian besar Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang datang untuk upacara mengangkat sumpah pulang selepas diberitahu upacara itu ditangguh.

Pagi Rabu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dikatakan akan menghadap Yang Dipertuan Besar untuk menyelesaikan 'masalah', tetapi berita kedatangannya terbukti tidak benar.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Ali Abdul Samad, dalam usaha menjernihkan keadaan berkata, penangguhan upacara itu bukan kerana campur tangan istana, tetapi untuk mendapatkan tarikh baru yang lebih sesuai.

Katanya, oleh kerana keputusan penangguhan dibuat lewat petang, Adun tidak sempat diberitahu mengenai keputusan itu.

Walaupun penjelasan demi penjelasan diberikan, termasuk Mohd Isa sendiri yang memberitahu hubungannya dengan istana adalah baik, tetapi spekulasi tetap dibuat berhubung penangguhan upacara itu.

Upacara pagi esok sudah tentu akan memamatkan semua spekulasi ini dan Mohd Isa secara rasmi akan menjadi Menteri Besar bagi penggal kelima berturut-turut.

Pelantikan Exco baru juga membolehkan pentadbiran kerajaan negeri berjalan lancar selepas tempoh kekosongan agak lama.

Sementara itu, lima muka baru yang disebut-sebut dilantik sebagai ahli Exco ialah Adun Ampangan, Zakaria Nordin; Adun Pilah, Norhayati Omar; Adun Nilai, Peter Lai Yit Fee; Adun Jeram Padang, T Rajagopalu dan Adun

Senawang, Datuk Woo Ah Lek.

Seramai 10 Exco akan dilantik kali ini, iaitu pertambahan daripada lapan orang sebelum ini.

Empat penyandang Exco sedia ada ialah Adun Lukut, Datuk Dr Yeow Chai Thiam; Adun Klawang, Datuk Shamsul Bahari Mat; Adun Johol, Datuk Darus Salim Bulin dan Adun Serting, Datuk Lilah Yasin.

Adun Gemencheh, Datuk Waad Mansor, pula meletakkan jawatan Exco berikutan kes rasuah yang dihadapinya. Bagaimanapun, beliau dibebaskan kemudian.

Dua bekas Exco, Datuk Napsiah Omar dan Datuk Goh Siow Huat, masing-masing bertanding di Parlimen Kuala Pilah dan Rasah, manakala bekas Exco, Datuk M Sundram tidak bertanding pada pilihan raya lalu.

(END)